

A Pilih kata majmuk yang sesuai untuk melengkapi ayat di bawah. *Menulis : TP3*

segi empat	nasi minyak	meter persegi	sukarela	terasa hati	biru tua	baju sukan
bahan radioaktif	bapa saudara	bermandi peluh	kakitangan	olahraga	berbesar hati	langkah kanan

- 1 Cikgu Foo meminta murid-muridnya mencari luas untuk segi empat yang diberi dalam unit _____.
- 2 Wen Jie sekeluarga menghadiri majlis perkahwinan _____nya pada hujung minggu yang lalu.
- 3 Kejadian kebocoran _____ di kilang itu telah membimbangkan penduduk di sekitar kawasan tersebut.
- 4 Wei Bo makan _____ berlaukkan ayam goreng petang tadi.
- 5 Azim melukis bentuk _____ menggunakan pembaris untuk mendapatkan ukuran yang tepat.
- 6 Semua _____ di syarikat itu menerima durian runtuh kerana diberi bonus sebanyak tiga bulan gaji.
- 7 Petani itu _____ di bawah matahari yang panas terik untuk menyudahkan kerja hariannya.
- 8 Ramai orang yang menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir secara _____.
- 9 Dickson dipilih untuk mewakili sekolahnya dalam pertandingan _____ peringkat negeri.
- 10 Cikgu Lau mengingatkan murid-muridnya agar memakai _____ pada hari esok kerana ada latihan badminton.
- 11 Pei Xian sekeluarga _____ kerana datuk dan nenek sedang menikmati buah durian ketika mereka tiba di kampung.
- 12 Puan Intan _____ kerana anak tunggalnya berjaya mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Oxford.
- 13 Lelaki yang berbaju _____ itu ialah ayah Lai Ming yang bekerja sebagai pegawai eksekutif di sebuah syarikat minyak terkemuka.
- 14 Karmila _____ apabila sahabat baiknya tidak menjemputnya ke majlis sambutan hari jadi.